

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

ZCA 102/4 - Keelektrikan dan Kemagnetan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua LIMA soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.


Pemalar

$$e = 1.6 \times 10^{-19} C$$

$$\epsilon_0 = 8.854 \times 10^{-12} Fm^{-1}$$

$$\mu_0 = 4\pi \times 10^{-7} TmA^{-1}$$

1. (a) Dua gabus yang serupa, setiapnya berjisim  $5.0 \times 10^{-4}$  kg, digantung dengan benang-benang konduktor, setiapnya panjang  $2.0 \times 10^{-1}$  m, dari satu titik yang tinggi keupayaannya. Benang-benang itu dipisahkan supaya masing-masing menutupi  $30^\circ$ . Kira cas pada tiap-tiap satu gabus itu.



Rajah 1.

(50/100)


...2/-

- (b) Suatu silinder penebat panjangnya tak terhingga berjejari  $R$  dan mempunyai ketumpatan cas isipadu yang berubah mengikut jejari seperti  $\rho = \rho_0 \left( a - \frac{r}{b} \right)$  di mana  $\rho_0$ ,  $a$  dan  $b$  adalah pemalar dan  $r$  merupakan jarak dari paksi silinder. Gunakan hukum Gauss untuk mendapat magnitud medan elektrik pada jarak-jarak:

- (i)  $r < R$  dan
- (ii)  $r > R$ .

(50/100)

2. (a)



Rajah 2.

- (i) Dengan merujuk kepada rajah 2 perhitungkan arus  $I_1$ ,  $I_2$  dan  $I_3$ . (45/100)
- (ii) Kirakan keupayaan diantara titik-titik a dan b. (15/100)
  
- (b) (i) Satu dawai yang mempunyai keratan rentas  $0.031 \text{ cm}^2$  dan panjang  $2.4 \text{ m}$  didapati rintangannya sebanyak  $0.24\Omega$ . Kirakan konduktiviti dawai tersebut. (20/100)
  
- (ii) Satu beza keupayaan,  $0.9\text{V}$  diletakkan pada dawai seperti jenis di atas tetapi mempunyai keratan rentas  $0.6 \text{ mm}^2$  dan panjang  $1.5 \text{ m}$ . Berapakah arus dalam dawai ini? (20/100)

...3/-

3. (a) Tunjukkan bahawa kapasitans bagi kapasitor silinder sepaksi diberikan oleh

$$C = \frac{2\pi\ell \epsilon_0}{\ln\left(\frac{b}{a}\right)}$$

di mana  $a$  dan  $b$  ialah ukuran radius dalam dan luar masing-masing dan  $\ell$  ialah ukuran panjang silinder.


(50/100)

- (b) (i) Nyatakan hukum Ampere dan tulis persamaannya. Jelaskan maksud simbol-simbol yang digunakan.

(20/100)

- (ii) Suatu dawai lurus dan panjang takterhingga membawa arus  $I$  (rajah 3). Buktiikan bahawa medan magnet di titik P adalah,

$$B = \frac{\mu_0 I}{2\pi R}$$




Rajah 3.

(30/100)

4. (a) Jelaskan hukum aruhan Faraday dan hukum Lenz.

(30/100)

(b)



Rajah 4.

...4/-

Sebatang rod logam panjangnya  $\ell$  bergerak ke kanan dengan halaju  $\overline{V}$  di atas suatu dawai berbentuk u. Medan  $\overline{B}$  mengarah ke dalam satah gambarajah (rajah 4). Jika rintangan rod adalah  $R$ ,


(i) Cari arus yang terbentuk. Tunjukkan dengan lengkap langkah-langkah yang digunakan.

(ii) Tentukan arah arus yang terbentuk. Beri penjelasan lengkap jawapan anda.

(70/100)

5. (a) Jelaskan maksud kuantiti berikut: (i) impedans, (ii) resonans dan (iii) nilai punca-min-kuasadua bagi arus ulang-alik.  
(30/100)

(b)



$$V = V_p \sin \omega t$$

Rajah 5.

Litar dalam rajah 5 mempunyai voltan maksimum,  $V_p = 240$  V dan frekuensi = 50 Hz. Hitung,

- (i) jumlah impedans litar
- (ii) arus maksimum melalui litar
- (iii) voltan maksimum melintangi  $R$ ,  $L$  dan  $C$
- (iv) sudut fasa litar
- (v) arus seketika melalui litar

(70/100)